

Jangan naikkan harga sesuka hati, kata Exco

KUALA TERENGGANU - Golongan peniaga diingatkan agar tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan makanan sesuka hati pada musim cuti sekolah ini.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja Terengganu, Mohd Nur Khuzaini Ab Rahman berkata, isu itu akan timbul setiap kali musim cuti berikutnya meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negeri itu.

Menurutnya, kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjalankan pemantauan lebih kerap bagi mengesan peniaga tidak bertanggungjawab.

"Kita akan guna sepenuhnya khidmat agensi seperti KPDNHEP untuk tegakkan hak pengguna dan peniaga yang dikesan melakukan kesalahan akar berdepan tindakan seperti kompaun dan seumpamanya," katanya.

Mohd Nur Khuzaini berkata, pengguna juga diminta membuat laporan kepada KPDNHEP sekiranya berlaku peningkatan harga mendadak pada musim cuti sekolah manakala pihak berkuasa menyediakan pelbagai medium untuk menerima aduan termasuk laman sosial Facebook, sistem pesanan ringkas (SMS) dan aplikasi WhatsApp. - Bernama